

FAQ SYARIKAT

1. Siapakah Pengasas dan Lembaga Pengarah syarikat Gano Excel Enterprise Sdn Bhd?

Gano Excel telah diasaskan oleh Mr. Leow Soon Seng iaitu Presiden Gano Excel Antarabangsa. Ahli Lembaga Pengarah Gano Excel terdiri daripada Mr Leow Soon Seng, Mr Ooi Kheng Seng selaku Presiden Gano Excel Malaysia dan Mr. Lew Soon Kiak selaku Ketua Pegawai Eksekutif. Gano Excel mempunyai empat orang Pengarah Eksekutif iaitu Mr. Leow Ah Bah, Mr. Lewnegie, Mr Leong Ting Yu dan Tn Hj. Abd. Malek B. Abd Razak.

2. Pada tahun berapakah syarikat Gano Excel Enterprise Sdn Bhd ditubuhkan?

Syarikat Gano Excel Enterprise Sdn Bhd ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1995. Namun, sejarah Ganoderma Gano Excel bermula sejak 1983 lagi apabila Mr. Leow Soon Seng, selaku Presiden Gano Excel Antarabangsa telah membuat kajian mengenainya dan mendapati bahawa kelembapan dan cuaca di Malaysia (28° C hingga 32° C) adalah sesuai untuk penanaman Ganoderma.

3. Di manakah terletak Ibu Pejabat dan cawangan Gano Excel Enterprise Sdn Bhd?

Ibu Pejabat Gano Excel Enterprise Sdn Bhd terletak di Alor Setar, Kedah Darul Aman. Manakala cawangan Gano Excel Enterprise Sdn Bhd dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan. Pusat Perkhidmatan Gano Excel terdapat di Kuala Lumpur, Subang Jaya, Kota Bharu, Johor Bahru dan Kota Kinabalu.

4. Apakah Misi dan Visi syarikat Gano Excel Enterprise Sdn Bhd?

Gano Excel adalah sebuah syarikat korporat yang mempunyai misi dan visi yang jelas. Gano Excel sentiasa komited untuk mencapai misi dan visi yang telah dirancang. Berfalsafahkan 5K iaitu **Kesihatan, Kekayaan, Kejayaan, Kebajikan dan Kebahagiaan**, Gano Excel mempunyai misi terancang iaitu **Membawa Kesihatan dan Kekayaan Kepada setiap Keluarga**.

5. Gano Excel telah memasuki pasaran antarabangsa. Berapakah jumlah negara yang telah dimasuki oleh syarikat Gano Excel?

Syarikat Gano Excel telah pun meluaskan pasarannya ke lebih 70 buah negara di dunia antaranya meliputi Benua Asia, Eropah, Afrika dan Amerika.

6. Bagaimanakah caranya untuk membuat penajaan antarabangsa?

Sekiranya anda berminat untuk memperkenalkan perniagaan Gano Excel kepada rakan atau saudara anda yang berada di luar negara, anda perlu pastikan negara tersebut telah dimasuki oleh Gano Excel. Sekiranya anda tidak pasti, sila emelkan pertanyaan dan maklumat negara tersebut ke info@ganoexcel.com. Eksekutif Pembangunan Perniagaan Antarabangsa akan memberi maklumat yang anda perlukan.

- 7. Bolehkah pengedar berdaftar dengan Gano Excel mengeksport produk ke luar negara?**
Syarikat Gano Excel tidak menggalakkan para pengedarnya mengeksport produk ke luar negara. Ini kerana setiap negara mempunyai prosedur yang berlainan mengenai kemasukan produk-produk terutamanya produk kapsul. Syarikat Gano Excel tidak akan bertanggungjawab sekiranya produk yang dieksport oleh pengedar ke luar negara ditahan oleh pihak berkuasa negara terbabit.
- 8. Adakah Gano Excel menyediakan sistem pendaftaran ahli secara online?**
Ya. Gano Excel menyediakan sistem pendaftaran ahli secara online. Anda hanya perlu layari laman web Gano Excel iaitu www.ganoexcel.com.my dan klik Menu “Daftar” dan ikuti arahan-arahan yang telah ditetapkan.
- 9. Adakah Gano Excel menyediakan sistem pembelian secara online?**
Ya. Gano Excel menyediakan kemudahan pembelian secara online. Anda hanya perlu layari www.ganoexcel.com.my dan log in ke dalam portal usahawan. Buat masa sekarang, kemudahan ini hanya untuk ahli yang berdaftar sahaja. Syarikat mempunyai perancangan untuk meluaskan kemudahan pembelian secara online ini kepada bukan ahli suatu hari nanti.
- 10. Bolehkah saya membeli produk Gano Excel menggunakan Kad Kredit/ Kad Debit?**
Ya. Anda boleh membeli produk Gano Excel menggunakan Kad Kredit/ Kad Debit anda di Ibu Pejabat dan di semua Pusat Perkhidmatan Gano Excel. Pembelian mestilah RM50 dan ke atas. Anda juga boleh berbuat demikian untuk pembelian secara online. Namun untuk pembelian secara online, tiada ketetapan had pembelian dikenakan.
- 11. Adakah produk-produk yang dihasilkan oleh syarikat Gano Excel diiktiraf sebagai HALAL oleh JAKIM dan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan berwajib di Malaysia dan antarabangsa?**
Ya. Semua produk yang dihasilkan oleh syarikat Gano Excel mematuhi Hukum Syarak dan Standard Halal Malaysia dan diluluskan oleh Panel Pengesahan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Sijil HALAL yang dikeluarkan akan tamat pada 30 April 2016. Sijil-sijil pengiktirafan yang diperolehi Gano Excel beroperasi ialah :
- Direct Selling Association of Malaysia
 - Ministry of Health Malaysia
 - Ministry of Health Thailand
 - Ministry of Health Indonesia
 - Ministry of Health Singapore
 - USM Innovation & Consultancy Centre
 - Singapore Productivity & Standard Board
 - Drug Control Authority
 - Chemical Laboratory
 - Biochem Laboratories
 - Bureau of Food & Drugs
 - HALAL Certificate
 - ISO 9001:2000
 - Federation of Malaysian Manufacturers

12. Adakah syarikat Gano Excel mempunyai lesen jualan langsung dan menganggotai DSAM (Direct Selling Association of Malaysia)?

Ya. Syarikat Gano Excel mempunyai lesen jualan langsung yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan (KPDNKK). Nombor kelulusan untuk lesen tersebut ialah AJL 93850. Gano Excel juga turut menganggotai DSAM (Direct Selling Association of Malaysia) dan menjadi Ahli Jawatankuasa DSAM.

13. Adakah syarikat Gano Excel mengeluarkan produknya sendiri atau bergantung kepada syarikat lain?

Syarikat Gano Excel mengeluarkan kebanyakan produknya sendiri melalui Gano Excel Industries Sdn Bhd. Gano Excel Industries merupakan Kompleks Industri Gano Excel yang memproses dan mengeluarkan produk-produk berasaskan *Ganoderma lucidum*. Kompleks ini mendapat pengiktirafan Amalan Perkilangan Baik (GMP) dan setaraf dengan HACCP (Hazard Analysis and Critical Control Point).

14. Syarikat Gano Excel memasarkan produk berasaskan *Ganoderma lucidum*. Di manakah syarikat Gano Excel mendapat bekalan cendawan *Ganoderma lucidum* untuk menghasilkan rangkaian produk-produknya?

Syarikat Gano Excel mempunyai Ladang *Ganoderma Organik*nya sendiri. Ladang *Ganoderma Organik* milik Gano Excel adalah merupakan Ladang *Ganoderma Organik* Terbesar Di Dunia. Ladang ini merangkumi lebih 50 ekar yang mempunyai 100 buah Rumah Hijau (Bangsal) dan setiap satunya mampu menampung sehingga 30,000 polybag *Ganoderma* dalam satu masa.